



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 95 /2025

MAJLIS PENTAULIAHAN EMAS ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM) 2025

8 NOVEMBER 2025

1. YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, hari ini menyempurnakan Majlis Pentauliahan Emas Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) 2025 yang berlangsung di Dewan Bankuet CASA 4, Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
2. Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM), yang diadaptasi daripada *The Duke of Edinburgh's International Award*, merupakan inisiatif strategik utama Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Program ini bertujuan memperkukuh peranan Rakan Muda dalam membentuk belia berusia 14 hingga 24 tahun agar memiliki daya kepimpinan, karakter utuh, dan semangat kesukarelawanan.
3. Pentauliahan telah diberikan kepada 76 penerima tahun ini menjadikan jumlah keseluruhan penerima Tahap Emas kini melebihi 1,886 orang sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2000.
4. Dalam ucapannya, YB Menteri menegaskan bahawa Tahap Emas merupakan pencapaian tertinggi dalam program ARPRM, yang bukan sekadar memberi pengiktirafan terhadap prestasi individu, tetapi juga merupakan gerbang kepada pembangunan kepimpinan dan keterlibatan belia di peringkat antarabangsa.
5. Tujuan Majlis pentauliahan tahunan ini diadakan adalah untuk:
 - i. Meraikan pencapaian penerima Tahap Emas yang telah menunjukkan komitmen dan disiplin luar biasa;
 - ii. Menghargai sumbangan semua pihak termasuk Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS Negeri), Kementerian Pendidikan Malaysia

- (KPM), agensi Kerajaan, badan pertubuhan dan organisasi serta sekolah;
- iii. Mencetus inspirasi kepada belia-belia lain termasuk penerima Tahap Gangsa dan Perak;
 - iv. Membuka ruang penyertaan belia ke peringkat lebih tinggi dalam kepimpinan dan kesukarelawanan; dan
 - v. Mengukuhkan sinergi antara semua pemegang taruh dalam menyokong pembangunan belia negara.
6. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berharap agar semua penerima anugerah serta Badan Operasi ARPRM terus komited dalam memperkukuh pelaksanaan inisiatif 10 Gaya Hidup Rakan Muda yang seiring dengan pembangunan ARPRM. Usaha berterusan ini diharapkan dapat memastikan program dilaksanakan secara menyeluruh di semua peringkat, selain menggalakkan penyertaan belia daripada pelbagai latar belakang bagi memperkasa potensi dan perpaduan generasi muda negara.
7. Majlis turut dihadiri oleh YBr. Tuan Haji Abdullah Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KBS dan YBr. Puan Azura binti Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), bersama barisan kepimpinan kementerian serta wakil agensi pelaksana program ARPRM.
8. Untuk maklumat lanjut mengenai program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM), sila hubungi talian 03-8871 3220 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

